

13 JUN 2000

Mahathir-Penculik

MALAYSIA TIDAK PERTIMBANG DAKWAAN TIDAK TENTU ARAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan memberi pertimbangan kepada dakwaan tidak tentu arah terhadapnya berhubung tuntutan kumpulan penculik yang menawan 21 orang termasuk sembilan rakyat Malaysia di Pulau Jolo, selatan Filipina.

Perdana Menteri berkata terdapat pandangan yang menyokong dan yang tidak menyokong malah ada juga yang mencari kesempatan terhadap tuntutan kumpulan penculik itu.

"Dengan itu kita akan dengar macam-macam dakwaan, tapi kita tidak akan beri pertimbangan kepada dakwaan yang dibuat secara tidak tentu arah ini," katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sekembalinya daripada lawatan kerja selama seminggu ke Jepun.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan yang menyebut Duta Malaysia ke Filipina Mohamad Arshad Manzoor Hussain sebagai berkata bahawa Ketua Imigresen Filipina Rufus Rodriguez menyokong tuntutan kumpulan penculik itu supaya Kuala Lumpur menyiasat "pencabulan hak asasi manusia" ke atas 500,000 warga Filipina di Sabah.

Menurut Arshad, sokongn Rodriguez itu bercanggah dengan pendirian Manila yang sudah menolak tuntutan berkenaan.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengemukakan cadangan lain bagi membebaskan 21 mangsa penculikan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan pada masa ini tidak mengetahui apa yang sebenarnya dikehendaki oleh kumpulan penculik itu.

Mangsa-mangsa itu diculik dari Pulau Sipadan, Sabah, dan ditahan di beberapa tempat dalam hutan di pulau Jolo sejak 51 hari lepas.

"Ada yang kata, mereka hendak duit tapi kita khuatir kerajaan Filipina mungkin tidak setuju kalau kita bagi duit, jadi apa yang kita dapat. Ini adalah perkara luar biasa seperti orang menghalakan senjata kepada kita dan meminta kita buat keputusan, jadi susahlah sikit," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang berada di lapangan terbang untuk menyambut kepulangan Dr Mahathir. berkata beliau akan ke Manila esok bagi mendapatkan maklumat sebenar dan perkembangan terkini mengenai penculikan itu.

Beliau juga berkata kenyataan Rodriguez (Ketua Imigresen Filipina), seperti yang disebut oleh Mohamad Arshad itu, tidak ada kena-mengena dengan Malaysia dan mereka juga tidak boleh mengarahkan negara ini mengenai apa yang seharusnya dilakukan.

Katanya para perunding hendaklah mengutamakan kepentingan keselamatan mangsa penculikan itu dan memastikan yang mereka dibebaskan dengan selamat.

"Mereka tidak harus membincangkan isu-isu sampingan," katanya.

-- BERNAMA

HS AFY ZS NMO